

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

iBaby

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil iBaby. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah rider unit potongan yang merangkumi Manfaat Penjagaan Anak kepada anak Orang yang Diinsuranskan selama 6 tahun dan hanya boleh dilampirkan sekiranya Orang yang Diinsuranskan mengandung. Rider ini boleh dilampirkan kepada bilangan yang tidak terhad ke atas polisi yang sama bagi anak-anak yang berbeza.

### 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Rider ini merangkumi Manfaat Penjagaan Anak seperti berikut, bergantung kepada jenis pelan yang dipilih iaitu Pelan :

- Manfaat Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) / Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Rawatan Separa Rapi (HDU): Maksimum 60 hari dalam tahun pertama dari kelahiran anak
- Manfaat Inkubasi untuk Bayi Baru Lahir: Maksimum 30 hari dalam tempoh 60 hari pertama dari kelahiran anak
- Manfaat Rawatan Fototerapi untuk Jaundis Neonatal: Minimum penghosiptal 3 hari berturut-turut dan tahap jumlah serum bilirubin > 250 µ mol/L
- Keadaan-keadaan Kongenital
- Keadaan-keadaan Khusus Anak
- Hadiyah kedatangan: boleh dituntut sekali saji bagi setiap Orang yang Diinsuranskan

Nota: Sila merujuk Ilustrasi Jualan dan Penerangan Jangkaan Manfaat bagi rider ini untuk butiran-butiran manfaat yang terperinci.

Tempoh liputan: Semasa ketamatan tempoh rider iaitu 6 tahun, tuntutan penuh di bawah rider ini, kematian anak Orang yang Diinsuranskan, penamatian pelan asas / rider, mengikut mana-mana yang lebih awal.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Ini adalah rider potongan unit. Sila rujuk ilustrasi jualan bagi maklumat terperinci.

### 4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Caj insurans rider ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai dana anda.

\*Nota:

Caj insurans untuk rider ini adalah terjamin.

### 5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan anda dan tugas anda yang mungkin menjelaskan profil risiko serta bilangan polisi kemalangan diri yang telah anda beli daripada syarikat insurans yang lain.

- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider ini dengan memulangkan dokumen rider ini dalam tempoh masa 15 hari selepas penghantaran dokumen rider ini kepada anda. Selepas itu, kami akan memulangkan caj insurans rider yang anda bayar, tolak sebarang fi perubatan yang telah kami menanggung semasa mengeluarkan rider ini.
- Nilai Dana - Nilai Dana ILP bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi paras perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang baki untuk mengumpul Nilai Dana di bawah polisi anda.
- Polisi loput - rider akan dibatalkan jika polisi asas loput akibat Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain serta Jaminan Tidak Loput telah dibatalkan.
- Notis tuntutan - Notis tuntutan bertulis perlu diserahkan kepada kami dengan memberikan butiran lengkap tentang sebarang peristiwa-peristiwa yang dilindungi dalam tempoh 90 hari selepas hari kejadian. Anda harus memberi bukti yang memuaskan kepada kami.
- Tempoh menunggu - kelayakan untuk manfaat di bawah rider ini akan bermula: -
  - (i) Keadaan-keadaan Khusus Anak - 90 hari selepas kelahiran anak Orang Yang Diinsuranskan
  - (ii) Hadiyah Kedatangan - 12 bulan dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi asas, mengikut mana-mana yang lebih kemudian.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak rider ini untuk terma-terma dan syarat-syarat yang penuh.

### 6. Apakah pencegualian utama di bawah polisi ini?

Tiada manfaat boleh dibayar di bawah polisi ini berkenaan dengan sebarang tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, atau disebabkan, disumbangkan oleh (secara keseluruhan atau sebahagian), mana-mana yang berikut:

- (i) Manfaat Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Unit Rawatan Rapi (ICU) atau Unit Rawatan Separa Rapi (HDU), Manfaat Inkubasi untuk Bayi Baru Lahir, Manfaat Manfaat Rawatan Fototerapi untuk Jaundis Neonatal dan Keadaan-keadaan Kongenital
  - (a) kehamilan melalui inseminasi artifisial dan / atau kehamilan dibantu (kecuali persenyawaan in-vitro (IVF), Inseminasi Intruterin (IUI) dan Inseminasi Intraservikal (ICI));
    - (b) kehamilan yang lebih daripada dua fetus;
    - (c) sebarang keadaan sedia ada atau gangguan yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian;
    - (d) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dan / atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan / atau mana-mana mutasi, derivaasi atau variasi daripadanya;
    - (e) kecederaan diri sendiri atau cubaan membunuh diri sama ada siuman atau tidak siuman;
    - (f) kemabukan oleh bahan, alkohol atau dadah yang tidak ditetapkan oleh pengamal perubatan berdaftar;
    - (g) sebarang keadaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh sebarang komplikasi akibat rawatan kesuburan (kecuali persenyawaan in-vitro (IVF), Inseminasi Intruterin (IUI) dan Inseminasi Intraservikal (ICI));
    - (h) rawatan atau ujian eksperimen yang tidak berlesen;
    - (i) sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan atas anak Orang yang Diinsuranskan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan yang disengaja oleh Orang Yang Diinsuranskan, Pemilik Polisi atau orang yang berhak untuk bayaran manfaat sebaliknya;
    - (j) penggunaan ubat-ubatan bukan preskripsi di mana memerlukan pengamal perubatan berdaftar untuk mempreskripsi oleh undang-undang; atau
    - (k) pemeriksaan fizikal, pemeriksaan kesihatan atau ujian yang tidak selaras dengan rawatan perubatan biasa atau diagnosis oleh penyakit atau kecederaan, atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan.

- (ii) Keadaan-keadaan Khusus Anak
  - (a) sekiranya keadaan ini disebabkan dengan secara langsung atau tidak langsung, atau kewujudannya bersama dengan mana-mana peristiwa-peristiwa berikut: simptom Keadaan-keadaan Khusus Anak wujud dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kelahiran anak Orang Yang Diinsuranskan;
  - (b) keadaan tersebut timbul secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang keadaan yang sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian;
  - (c) peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, pencerobohan daripada negara asing, tindakan bermusuhan terhadap negara lain, keganasan, peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, kekacauan atau operasi ketenteraan;
  - (d) kewujudan jangkitan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) / Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV);
  - (e) apabila anak Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis dengan Keadaan-keadaan Khusus Anak selepas peluputan rider ini; atau
  - (f) selepas pembayaran Keadaan-keadaan Khusus Anak pada setiap tahap keparahan rendah dan tinggi.

**Catatan:** Senarai ini tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah rider ini.

#### **7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Setelah pembatalan, tiada nilai penyerahan harus dibayar dan perlindungan akan disediakan sehingga hari sebelum caj insurans bulanan rider ini akan datang.

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menjurut dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

#### **9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad  
 Ground Floor, Menara Tokio Marine Life  
 189, Jalan Tun Razak  
 50400 Kuala Lumpur  
 Talian Am : 03-2059 6188  
 Faks : 03-2162 8068  
 Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999  
 E-mel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

#### **10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila tanya kami/ ejen anda untuk pelan yang seumpama.

#### **MAKLUMAT PENTING:**

**ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHWA PELANINI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.**

Pelan insurans ini diunderit oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>